

# Warga asing naik Bas Smart Selangor akan dikenakan caj

Berita HARJAN 23/03/2019 MUIS 78

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor akan mengenakan caj terhadap warga asing yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor, kata EXCO Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu, Ng Sze Han.

Beliau berkata, perkara itu wajar dilakukan memandangkan kos tahunan yang terpaksa ditanggung kerajaan negeri bagi menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk rakyat itu.

“Ketika ini kertas cadangan berhubung kadar tambang yang akan dikenakan sedang diteliti, termasuk kaedah ia dilaksanakan.

“Sukar untuk kita tentukan penumpang yang naik Bas Smart Selangor sama ada orang tempatan atau warga asing, sebab kadang-kadang wajah kita hampir sama.

“Jadi mungkin kita tengok kad pengenalan untuk membezakan, tetapi kadang-kadang pelajar sekolah tidak bawa kad pengenalan. Sebab itu, pelaksanaannya memerlukan sedikit masa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di lobi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Kerajaan Selangor mula memperkenalkan perkhidmatan bas percuma bawah penjenamaan Bas SelangorKu pada 2015.

## **Tambah baik pelaksanaan dasar sedia**

Bagaimanapun, penjenamaan Bas Smart Selangor diperkenalkan bagi menambah baik pelaksanaan dasar sedia ada di bawah agenda Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang diperkenalkan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sehingga Disember 2018 semalam 3.5 juta orang sudah menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor di Kajang.

Peruntukan Kerajaan Selangor bagi menyediakan kemudahan Bas Smart Selangor adalah RM30 juta setahun.

Terdahulu, menjawab soalan Mohd Fakhrurazi Mohd Mokh-



Ketika ini kertas cadangan berhubung kadar tambang yang akan dikenakan sedang diteliti, termasuk kaedah ia dilaksanakan”

**Ng Sze Han,**  
EXCO Pengangkutan  
Awam Pembangunan  
Kampung Baharu

tar (PH AMANAH-Meru) dalam sidang DUN, Sze Han berkata kerajaan Selangor tidak bercadang menukar perkhidmatan Bas Smart Selangor kepada bas sekolah percuma untuk kegunaan pelajar.

Katanya, ia mustahil untuk dilaksanakan kerana akan memberi implikasi kewangan kepada

kerajaan negeri selain memberi kesan negatif kepada pengusaha bas sekolah di negeri ini.

“Namun, ada perkhidmatan Bas Smart Selangor yang turut melalui laluan ke sekolah serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta, jadi pelajar boleh menggunakan bas ini,” katanya.